

Kes jenayah terhadap kanak-kanak makin membimbangkan

PETALING JAYA - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bimbang dengan kemunculan banyak kes penderaan, penganiayaan, jenayah seksual serta sumbang mahram terhadap kanak-kanak.

Beliau berkata, banyak kes yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk kes dera, dilakukan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak itu sendiri, sedangkan merekalah sepatutnya memberi perlindungan.

Katanya, statistik kes yang membabitkan ibu bapa mencatatkan jumlah 808 kes, adik beradik (23 kes), teman lelaki ibu (270), jiran (26), saudara mara (322), orang dikenali (231), manakala pendera tidak dikenali sebanyak 110 kes.



● Shahrizat (tengah) bersama kanak-kanak selepas melancarkan Childline di Petaling Jaya, semalam.

"Sebanyak 1,010 kes penderaan dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga April lalu meliputi kes penderaan fizikal, seksual, emosi, sumbang mahram dan buang bayi.

"Kes ini terus meningkat daripada 2,279 pada 2007 kepada 2,780 (2008) dan 2,789 (2009)," katanya selepas merasmikan Sambutan

Hari Kanak-kanak Sedunia 2010 bertema 'Keselamatan Kanak-kanak di Tangan Kita: Bertindaklah!', di sini, semalam.

Kementerian juga mewujudkan talian kanak-kanak Childline dengan menggunakan nombor 15999 yang disatukan dengan talian An-nur yang sudah wujud sebelum ini. - Bernama